

02

EDISI KEDUA



GSMfSr

BULETIN

GALERI SENI MERBOK UITM KEDAH

ISSN 2637-028X

www.kedah.uitm.edu.my JULAI - DISEMBER 2018



UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA



Kunjungan oleh
Pro-Canselor UiTM
YBHG. Tan Sri
Dato' Seri Utama
(DR) Arshad Ayub
ke GALERI SENI MERBOK

LAKAR DESIGN SHOW 2018
Art Meet Science
Pensyarah FSSR pameran
kehebatan

BENGKEL PANDAI BATIK
bersama Pelancong Taiwan

Galeri Seni Merbok
Berwajah Baru
oleh: Faryna Mohd Khalis

Alhamdulillah Buletin Galeri Seni Merbok kembali dengan Edisi kedua bagi bulan Julai hingga Disember 2018. Seperti biasa galeri masih rancak menerima kunjungan daripada pihak sekolah-sekolah dan IPT terutama sekitar Kedah. Selain daripada lawatan, galeri kini telah berwajah baru apabila penambahbaikan dilakukan melibatkan pertukaran cat dinding, lantai dan susun atur hasil karya baru. Bukan itu sahaja, malah ruangan galeri telah digunakan untuk pameran sebuah event besar iaitu Pameran Seni Budaya dan Pertandingan yang dijangka berakhir dengan sambutan kemuncak pada bulan March 2019. Semoga pameran dan pertandingan ini memberi semangat dan manfaat kepada semua pengkarya-pengkarya agar terus menghasilkan karya-karya sebagai inspirasi kepada pelapis pada masa akan datang.

SIDANG REDAKSI

Penasihat
Prof. Madya Dr Shaiful Annuar Khalid

Ketua Editor
Dr Faryna Mohd Khalis

Editor
Dr Azhari Md Hashim

Reka Letak Grafik
Dr Faryna Mohd Khalis

Penerbit
Galeri Seni Merbok

Jurugambar
En Nizar Nazrin & En Syafiq Samat

PENULIS

Shuhaila Md Shahid
Dr Faryna Mohd Khalis
En Zaidi Yusoff
Dr Nurul Ayn Sayuti
En Abdullah Kula
Dr Shafila Subri


Cetakan
Perpustakaan Sultan Badlishah

Bengkel ADOBE PREMIERE: BASIC VIDEO EDITING

oleh: Encik Abdullah Kula

Pada 27 dan 28 Ogos 2018 telah berlangsung satu bengkel penyuntingan video ; Adobe Premiere: Basic Video Editing di Makmal Komputer 8, Fakulti Seni Lukis dan Seni Reka, UiTM Kedah. Bengkel dua hari ini dianjurkan secara usahasama antara Reqa-Reqa, Creative Centre, Jabatan Seni Reka Grafik & Media Digital, FSSR dengan Institute of Leadership & Development (ILD), UiTM Kedah. Pihak penganjur telah menjemput Encik Syafiq Abdul Samat, pensyarah dari Jabatan Seni Reka Grafik & Media Digital, UiTM Kedah sebagai penceramah bagi bengkel ini.

Seramai 22 peserta terlibat dalam bengkel kali ini yang antara lainya bertujuan memberi pendedahan kepada peserta kaedah asas membuat kerja-kerja suntingan video menggunakan perisian suntingan yang popular mengikut piawaian industri iaitu Adobe Premiere. Bengkel ini dijalankan secara demo dan hands-on (praktikal), dimana para peserta dibawa secara teori dan praktis, tahap demi tahap, proses suntingan dan penghasilan video. Berdasarkan borang maklum balas, peserta bengkel amat berpuashati dengan hasil bengkel ini dan berharap bengkel sebegini akan dianjurkan dimasa-masa yang akan datang.



Penceramah En Syafiq bersama peserta Bengkel Adobe Premier